

# Kebudayaan Islam

---

## Kebudayaan Islam di Malaya

“Seringkali juga timbul pertanyaan dari golongan kita sendiri: Manakah satu-satunya kebudayaan kita yang dapat dianggap mempunyai nilai tinggi. Dalam mengkaji tinggi rendahnya nilai dari hasil sesuatu kebudayaan itu haruslah kita berpandu kepada beberapa syarat yang besar...”

Kata penulis rencana ini antara lain – P.Q.

(Oleh Aziz Hamidi)

---

Oleh kerana inilah kali yang pertama saya berpeluang menulis di majalah Qalam ini mengenai soal kebudayaan maka biarlah saya gunakan peluang yang berharga ini bagi menerangkan soal-soal kebudayaan secara umum sahaja dan sebelum saya mulai menulis tulisan saya ini terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Pengarang Qalam atas kesempatan yang diberi kepada saya.

Timbulnya kebudayaan sebuah negeri itu adalah oleh faktor-faktor alam sekitarnya, oleh perkembangan politik, oleh alam fikiran masyarakat luar dan juga oleh pengaruh ekonomi, seperti misalnya negara Mesir yang dipandang sebagai tempat lahirnya kebangunan budi daya manusia. Mengikut ahli-ahli sejarah bahawa pengaruh kemakmuran dalam masyarakat Mesir yang disebabkan oleh kesuburan tanah dan hawa yang baik yang dengan itu dapat mengadakan pengeluaran bahan ekonomi dari makanan dan pakaian secara teratur. Sehingga orang-orang tidak lagi dikongkong oleh perasaan takut dan bimbang kepada kemiskinan. Inilah yang memberi peluang dan kesempatan yang baik kepada anak negeri menumpukan

usaha-usahanya kepada pertukangan, kesenian dan sebagainya. Sungai Nil adalah suatu tenaga ghaib kepada daya cipta manusia Mesir kerana selain dari pengaruh airnya untuk sawah-sawah dan perkebunan juga menjadi alat perhubungan yang besar yang dengannya melahirkan perhubungan dan pertukaran fikiran yang luas. Demikian Mesir dapat melahirkan suatu kebudayaan dunia yang tinggi. Demikian pulalah halnya dengan negeri-negeri lain yang maju. Kebudayaan seperti Mesopotamia, India, Burma, Siam, China dan Indonesia.

Maka letaknya negeri kita ini ialah di antara negeri-negeri besar yang terkenal dengan tinggi kebudayaannya yang menyebabkan pengaruh-pengaruh dari negeri-negeri itu tidak sedikit terdapat di negeri kita.

Akan tetapi sebelum kita mengkaji dengan lebih lanjut soal-soal kebudayaan di negeri kita ini mustahaklah lebih dahulu kita melihat keadaan negeri kita. Negeri kita terkenal dengan kekayaan hasil buminya dengan hawanya yang baik, dengan keindahan alamnya yang menarik, juga dengan kesuburan tanahnya, bahkan tak kurang

juga perhubungan dengan alam fikiran masyarakat-masyarakat luar. Tetapi menjadi suatu pertanyaan kepada kita, kenapa kita tidak mempunyai sebuah candi seperti candi Borobudur di Jawa atau seperti candi-candi yang indah dan seni seperti di Burma dan Siam? Kenapa kita tidak mempunyai sebuah buku kesusasteraan sebesar kesusasteraan India atau Jawa dan banyak lagi soal yang harus kita harapkan. Kita telah mengenal timah dan emas, besi dan lain-lain logam sejak berabad-abad lamanya tetapi tidak ada satu ciptaan kita yang lahir dari logam-logam tersebut yang dapat dibanggakan ke seluruh dunia selain dari satu dua yang kecil-kecil seperti keris dan sebagainya, kita telah biasa kenal sejak dahulu lagi dengan kesusasteraan-kesusasteraan luar yang tinggi-tinggi nilainya tetapi kita tak sempat menciptakan sebuah kesusasteraan seperti itu, kecuali menterjemahkannya dari kesusasteraan Jawa yang telah disadurkan dari Mahabhrata dan Ramayana.

Oleh sebab itulah setengah daripada pengarang-pengarang Barat apabila menulis tentang Melayu, selalulah diterangkan bahawa Melayu itu tabiatnya pemalas, penyegan serta menyerah kepada nasib semata-mata. Tuduhan-tuduhan dan penghinaan-penghinaan yang seperti ini tentulah tidak akan lahir apabila mereka siasat dan kaji dengan halus akan sejarah perkembangan kita, oleh kita minta kepada mereka supaya mempelajari tentang Melayu lebih luas dan lebih dalam.

Meskipun negara kita ini terkenal dengan kekayaan hasil buminya, kesuburan buminya, hawanya dan keindahan alamnya, perhubungan-perhubungan luar negeri, tetapi jika diselidiki akan zahirnya keadaan-keadaan pada masa yang lampau yang banyak merupakan halangan untuk era kembangannya dan cipta umat kita.

Pertama sekali ialah kerana tiada tetap kediaman. Ini ialah disebabkan oleh peperangan-peperangan yang sentiasa

berlaku di antara satu kerajaan dengan kerajaan yang lain, oleh serangan-serangan dari luar, oleh kerosakan-kerosakan atau kurang hasil tanaman dan perkebunan, disebabkan tenaga alam dan sebagainya. Oleh kerana sebab-sebab inilah dan yang lain-lain juga, ekonomi rakyat merusut sekali terutama dalam soal makanan dan pakaian, emas dan timah dan lain-lain hasil bumi diperniagaan dengan bahan-bahan makanan dan pakaian dari luar. Tekanan-tekanan hidup ini melemahkan daya budi dan cipta umat kita.

Padahal negeri-negeri lain yang semasa dengannya telah mencapai kejayaan yang sepenuhnya dalam lapangan ini. Di samping kita bertanam padi secara kuno dengan huma dan sedikit bersawah maka di Bali telah lahir cara *irrigation* yang teratur dan rapi.

Keduanya ialah kerana menjadi adat bahawa usaha memajukan kesenian dan kebudayaan itu ialah dari Raja-raja yang memerintah, tetapi oleh kerana serangan-serangan peperangan yang sering berlaku menyebabkan usaha-usaha itu selalu tertahan dan biasanya hasil-hasil dari usaha itu kerap kali binasa. Selain daripada kedua-dua sebab besar ini, maka ketiadaan kesempatan tunas-tunas baharu untuk berkembang oleh tindasan dan tekanan dari atas juga menjadi satu dari sebab-sebabnya misalan orang-orang kita jarang yang tidak pernah ingat sejarah todak melanggar Singapura dan bagaimana ceritanya kekebalan Orang Besar Singapura dalam menghadapi serangan todak itu dikalahkan oleh kepintaran dan kecerdikan akal seorang kanak-kanak tetapi oleh kerana iri hati dan hasad kanak-kanak itu dibunuh.

Meskipun demikian sejarah kita tetapi tidaklah pula kita menafikan bahawa masih ada kebudayaan-kebudayaan kita yang dapat dibanggakan seperti adat tolong menolong dalam pergaulan hidup yang dinamakan gotong royong. Adat ini jika dipelihara dan disuburkan dia akan menjaya

satu dari kebudayaan Timur yang terkenal. Demikian juga dengan cara-cara pakaian kita, bentuk rumah, cara pergaulan, bahasa dan persuratannya, dan lain-lain lagi, yang semuanya itu menjadi suatu pendorong kepada budi daya umat kita di masa akan datang.

Pengaruh kebudayaan hendaklah yang mula-mula bertapak di negeri kita terutama pada kepercayaan, adat istiadat, bahasa dan sebagainya. Berkurun-kurun lamanya dia menguasai masyarakat kita. Sehingga tibalah kepada kurun yang kelima belas dalam mana Islam telah mulai pula mengembangkan sayapnya ke tanah air kita ini. Oleh kerana Islam banyak mengandungi pengetahuan-pengetahuan dan ajaran-ajaran yang bersesuaian dengan fitrah manusia dan terlepas daripada sifat-sifat dogma serta menganjurkan kemerdekaan berfikir dan persaudaraan maka dengan demikian rupa dia dengan cepat mendapat tempat dan pengaruh dalam masyarakat kita. Sehingga kepercayaan dan setengah daripada adat-adat Hindu lesap satu demi satu, hanya tinggal satu dua dalam lingkungan istana dan pawang sebagai lambang kekunoan dari zaman purba.

Sering juga timbul pertanyaan dari golongan kita sendiri manakah satunya kebudayaan kita yang dapat dianggap mempunyai nilai tinggi. Dalam mengkaji tinggi rendahnya nilai dari hasil sesuatu kebudayaan itu haruslah kita berpandu kepada beberapa syarat yang besar, menurut pendapat saya ialah:

(1) Keindahannya, (2) keseniannya, (3) keajaibannya, (4) sejarahnya dan (5) pemakaiannya.

Pemakaian ialah satu hasil kebudayaan yang masih digunakan oleh umum sejak dari mulanya sampailah ke masa ini. Jadi manakala sesuatu kebudayaan atau satu-satu dari cabang kebudayaan itu memenuhi kelima-lima syarat ini atau sekurang-kurangnya empat syarat daripadanya, maka tinggilah nilai kebudayaan itu. Syarat pemakaiannya itu adalah satu daripada syarat yang terbesar.

Tembok Besar negeri China, Ihram di Mesir, patung-patung Buddha di Burma dan Siam, Candi Borobudur di Jawa, kesemuanya terkenal dengan indah perbuatannya, keseniannya, keajaibannya dan terkenal pula dengan sejarahnya yang tersendiri. Siapa yang tidak kenal Tembok Besar negeri China? Yang telah berdiri dengan megah selama 22 kurun yang telah mengorbankan hampir sejuta jiwa dan tenaga manusia bagi menyiapkannya? Yang semata-mata dibina untuk muslihat peperangan iaitu sebagai benteng dari serangan bangsa Berber oleh indahnya, seninya, ajaibnya dan sejarahnya itu. Dia dengan megahnya menjadi suatu kebudayaan Timur yang termasyhur, tetapi meskipun demikian dia tak sanggup menghadapi zaman dengan mengekalkan dirinya sebagai suatu yang berguna dan dipakai oleh orang selama-lamanya. Seribu tahun kemudian dari terdirinya, maka bangkitlah bangsa Monggol menyerang China, membanjiri seluruh negeri yang subur dan kaya itu. Hilanglah kekuatan Tembok Besar yang megah itu, lenyaplah kekuasaan umat China. Seribu dua ratus tahun yang lampau dia telah kalah. Bagaimana pula dia dengan kekuatan akan menandingi atom dan hidrogen. Begitulah Tembok Besar negeri China, dan demikian jualah Ihram di Mesir, candi Borobudur dan sebagainya. Hanya kekal menjadi ingatan sejarah dan barang-barang lama yang ajaib, yang indah dan yang seni tetapi dia telah tidak digunakan lagi.

Bagi sesuatu bangsa tentu ada di antara kebudayaan-kebudayaannya itu yang dianggap tinggi nilainya. Umat Arab menganggap bahasanya itulah kebudayaannya yang tinggi sekali nilainya. Ketinggian nilainya bahasa Arab itu bertambah nyata dan kuat oleh adanya kitab suci Islam al-Quran al-Karim yang diturunkan oleh Allah yang Maha Esa kepada Nabi Muhammad (SAW) itu dengan bahasa Arab. Keindahan bahasa dan kesusasteraan di dalam al-Quran, sejarah yang terkandung

di dalam al-Quran dan sejarahnya sendiri. Keajaiban susunan bahasa sehingga tak dapat ditiru oleh seorang pun menjadikan al-Quran suatu kitab yang tertinggi dalam bahasas Arab yang menjadi asas dan punca bagi ahli-ahli bahasa menyelidiki bahasa Arab. Telah banyak timbul pada zaman Nabi dahulu ahli-ahli bahasa dan penyair Arab yang bijak yang cuba hendak mengadakan satu dua ayat seperti al-Quran, tetapi usaha-usaha itu gagal semuanya walaupun susunan kata-kata itu dapat dimasukkan dalam hasil kesusasteraan Arab. Demikianlah al-Quran tetap terpelihara sampai bila-bila. Hal ini diterangkan oleh Allah dengan jelas di dalam al-Quran.

Demikianlah sebagai misalnya pandangan orang Arab terhadap bahasanya. Maka sebagaimana umat Arab dan lain-lain umat, demikian pula kita. Dalam anggapan kita bahasa kita yang dinamakan bahasa Melayu itulah satu-satunya kebudayaan kita yang masih menjadi penggunaan dan pemakaian kita seluruhnya sehari-hari. Maka yang demikian berhaklah dia mendapat nilai yang tinggi. Meskipun kita masih ada hasil-hasil kebudayaan yang lain-lain lagi seperti adat lembaga, bentuk rumah, bentuk dan cara pakaian, alat-alat senjata dan sebagainya. namun masih kurang darjah dan nilainya jika akan dibandingkan dengan nilai bahasa dari segi kedudukannya dalam masyarakat hari-hari.

Misalnya keris sebagai satu barang pertukangan dan kesenian. Dan sebagai alat senjata pula keris adalah terkenal dan masyhur dan menjadi pahlawan di zamannya. Tetapi kepahlawanan keris telah dikalahkan oleh letupan senapan dan meriam Barat dalam kurun yang keenam belas. Sekarang bersemadilah keris dalam gedung arca dan di dinding-dinding rumah menjadi kenangan-kenangan sejarah dan perhiasan.

Apabila kita katakan berkenaan bahasa Melayu, terpaksa pula kita katakan berkenaan dengan persuratan dan alatan-alatan. Sebelum pengaruh Islam bertapak di sini segala-galanya adalah dikuasai oleh pengaruh Hindu demikianlah bahasa dan persuratan adalah dipengaruhi oleh Hindu. Kalimat-kalimatnya penuh dengan bahasa Sanskrit atau Hindu itu dan sudah tentu pula huruf-huruf Sanskrit atau Hindu Tua menjadi tulisannya. Tetapi setelah Islam tiba, sebagaimana dengan perkara-perkara yang lain demikian pula dengan bahasa ikut sama melalui proses ini. Bahasa Arab dan Parsi pulalah mengambil tempat setengah bahasa Sanskrit itu dan pada masa ini timbullah pula ahli-ahli bahasa dan pujangga-pujangga kita berusaha dan berikhtiar memindahkan huruf-huruf Arab dan Parsi itu menjadi huruf-huruf bagi tulisan bahasa Melayu. Usaha ini mendapat kejayaan yang gilang gemilang dalam sejarah bahasa kita. Kejayaan itu bukan sahaja kerana kedua-dua huruf Arab dan Parsi itu dapat disadurkan menjadi tulis Melayu, tetapi juga kerana tulisan yang baharu ini dapat digunakan dengan baik dalam membunyikan kalimah-kalimah yang lain dari kalimah-kalimah Arab dan Parsi seperti Sanskrit dan sebagainya.

Sebagai umat yang tahu berterima kasih maka patutlah kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada ahli-ahli bahasa dan pujangga-pujangga kita yang tak terkenal itu.

Tulisan yang baharu ini bukan lagi tulisan Arab atau Parsi tetapi menjadi tulisan Melayu yang sejati. Bagaimana mendalam pengaruhnya itu dapatlah kita saksikan bahawa seluruh persuratan Melayu hingga ke hari ini menggunakan tulisan ini. Kecuali sudah tiba pengaruh Barat maka tulisan latin dicuba

Sambungan di muka 22

di atas, tiada perbuatan buruk manusia di petak hidupnya yang tiada membawa akibat kepada orang lain. Semuanya adalah kait mengait. Maka bagi kepentingan dirinya dan kepentingan masyarakatnya dia hendaklah diingatkan, ini jauh dari mengganggu haknya berlaku secara yang membawa keuntungannya. Ya! Mungkin ada orang yang mengatakan dia boleh berbuat apa-apa yang disukainya dan masyarakat tiada berkuasa atasnya. Ini boleh dikatakan begitu sekiranya ia tiada berhajat pada dan berhubung dengan masyarakat dari mula hingga ke akhirnya; yang mana tiada didapati pada seorang pun.

Jadi, adalah mustahak bagi kita mengukuhkan masyarakat kita dengan menyuburkan rasa tahu menahu dan kait mengait antara anggota-anggotanya. Oleh kerana kedua-dua kepentingan bersama dan perasaan sama itu telah pun ada dalam kalangan kita maka yang masih mustahak dikuatkan ialah rasa bersama yang erat dan pekerjaan-pekerjaan yang bersatu yang mana adalah tangga utama dalam kekuatan masyarakat kita.

Menurut Quran, kaum Bani Israil telah dikutuk Tuhan kerana mereka tak suruh menyuruh dengan kebaikan dan tidak tegah menegah dari kejahatan. Sebenarnya menurut falsafahnya “*Al-amr bi al-ma‘rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*” itu bukanlah suatu dasar mencabul hak orang lain bagi berbuat menurut kehendaknya. Sebaliknya iaitu satu rasa yang sangat rapat dan kasih sayang yang tinggi antara anggota masyarakat yang dengannya tiap-tiap seorang itu sama merasa dan mengambil berat atas apa yang diperbuat saudaranya. Ini akan menimbulkan jaminan hidup saksama dan bijaksana kepada sekalian anggota

masyarakat manakala iaitu berjalan dengan baiknya.

Dari itulah Islam telah memenangkan dasar “*Al-amr bi al-ma‘rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*” itu di atas kaedah “*Lā yaḍurrukum min ḍallin idhā ihtadaytum*” yang bererti “Tiada apa mudaratnya orang-orang yang sesat itu pada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat pertunjuk”, sebab cara hidup seperti itu adalah tiada bertenaga (negatif) yang berlawanan dengan asas hidup Islam. Lebih dari itu, cara itu akan melonggarkan masyarakat Islam yang mempunyai kesatuan hidup seperti yang disebutkan Quran dan hadis itu.

Orang-orang Islam janganlah terburu-buru memakai kaedah “manusia bebas berlaku sekehendaknya” yang terbit di Barat itu kerana bahayanya sangat besar dan akibatnya sangat buruk. Lebih iaitu tiada sesuai dengan roh Islam yang meletakkan persaudaraan yang mendalam di antara manusia dalam hidup mereka.

---

## KEBUDAYAAN ISLAM

Sambungan dari muka 19

pula bagi membunyikan perkataan-perkataan Melayu. Usaha ini berjaya juga tetapi jika akan dibandingkan dengan tulisan Melayu yang setengah orang menyebut tulisan Jawi itu amatlah jauh sekali. Demikian bahasa Melayu dan tulisannya adalah mendapat nilai yang tinggi dalam kebudayaan Melayu. Sebarang usaha memelihara, melengkap dan menyempurnakan adalah usaha-usaha yang mulia bagi memelihara kebudayaan Melayu.